

Headline	KOMERSIALKAN FIBER		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	15 May 2019	Language	Malay
Circulation	112,705	Readership	338,115
Section	Bisnes	Page No	30
ArticleSize	465 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 54,955		



Sri Ayu Kartika Amri
kartika@hmetro.com.my

KOMERSIALKAN FIBER

Kuala Lumpur

Tenaga Nasional Berhad (TNB) memperuntukkan kira-kira RM9.5 bilion perbelanjaan modal (capex) berbanding RM12 bilion pada 2018 bagi memenuhi keperluan kapasiti tenaga tahun ini.

Ketua Pegawai Eksekutifnya Amir Hamzah Azizan berkata, peruntukan lebih kecil itu berikutan projek loji Jimah East Power (JEP) dijangka memulakan operasi tahun ini.

Katanya, TNB akan membelanjakan sebanyak RM6 bilion bagi segmen grid manakala RM2.5 bilion pula untuk penjana kuasa.

■ TNB peruntuk RM9.5 bilion capex berbanding RM12 bilion pada tahun lepas

"Segmen penjana ini meliputi loji janakuasa Southern Power Generation di Pasir Gudang, Johor yang dijangka beroperasi pada 2020 dan Projek Solar Berskala Besar (LSS) di Bukit Selambau, Kedah.

"Baki daripada jumlah capex ini pula akan diperuntukkan bagi Pelan Gantian Optik dan Kesalinghubungan Negara (NFCP) yang mana kami jangkakan segmen ini mampu memberi sumbangan kepada kumpulan menjelang tahun depan,"

katanya pada sidang media selepas Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) TNB di sini,

semalam.

Hadir sama, Pengerusi TNB Tan Sri Leo Moggie dan Ketua Pegawai Kewangan TNB Nazmi Othman.

Amir berkata, TNB meran-

cang untuk mengkomersialkan perniagaan fiber serta menggunakan rangkaian fiber optik sedia adanya di seluruh negara.

Bellau berkata, pihaknya

juga sedang meninjau lokasi yang mempunyai nilai tinggi untuk mengkomersialkan projek berkenaan.

Menurutnya, TNB komited menjadi tulang belakang da-

lam projek fiber ini dan menyediakan perkhidmatan pukal kepada penyedia perkhidmatan runcit seperti Telekom Malaysia, Astro dan Maxis.

FAKTA
TNB akan membelanjakan sebanyak RM6 bilion bagi segmen grid